


Wanita&Keluarga

Pekerjaan ekonomi GIG pilihan generasi Y

Persekitaran kurang tekanan mampu raih pendapatan lumayan

Oleh Zubir Mohd Yunus
zubir_yunus@bh.com.my



Wan Norshakila Abd Satar

Kuala Lumpur: Lazimnya pelajar lepasan ijazah mahupun graduan lulusan institusi pengajian tinggi (IPT) luar negara, mengharapkan memperoleh pekerjaan di pejabat atau di syarikat gergasi dengan gaji lumayan, sekali gus membelaangi bebanan tugas bakal dipikul, perlu bekerja lebih masa hingga tiada waktu untuk diri serta keluarga.

Menyedari perkara itu sering

berlaku dalam kalangan anak muda berkelulusan tinggi, seorang ibu yang juga kakitangan agensi kerajaan, Wan Norshakila Abd Satar, menyarankan pelbagai pilihan tugas dikenali pekerjaan ekonomi GIG.

Beliau berkata, kini terdapat aliran baharu mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi Y. Ekonomi GIG popular di negara maju seperti



Tutor peribadi antara pekerjaan ekonomi GIG menjadi pilihan dalam kalangan graduan.

(Foto hiasan)

Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, kini tular di Asia dan Malaysia tidak terkecuali.

“GIG bermaksud ‘gigue’ dalam bahasa Perancis menyediakan persekitaran kerja kurang tekanan atau mungkin tiada langsung, selain memberi peluang graduan memperoleh pendapatan lumayan berbanding bekerja dengan syarikat.

“Anak muda tidak perlu berkerja bermula jam 8 pagi hingga 5 petang, bahkan jika diurus dengan betul, produktiviti membawa hasil.

“Antara pekerjaan ekonomi GIG yang kerap menjadi pilihan dalam kalangan graduan adalah tutor peribadi dan penulis sambilan,” kata Wan Norshakila ketika berunjung ke Balai Berita, baru-baru ini.

Menurut satu laporan, AS bakal

mempunyai 40 peratus daripada rakyatnya terbabit dengan ekonomi GIG menjelang 2020. Justeru, hal ini sejajar perkembangan teknologi seperti pembangunan aplikasi yang pantas dan juga sifat ekonomi GIG itu sendiri sangat fleksibel.

Wan Norshakila berkata, dia begitu mementingkan soal pendidikan anak.

Katanya, kejayaan mereka melanjutkan pengajian hingga ke luar negara begitu menggembirakan.

Selaras menamatkan pengajian juga mengharapkan mereka dapat berusaha memilih kerjaya terbaik bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Beliau dan suami, Hasnuden Hashim, sentiasa memastikan anak meneruskan kehidupan ber-

sama keluarga dengan selesa.

Katanya, tidak dinafikan kaedah bekerja sendiri ini masih belum diterima semua pihak. Kebanyakan ibu bapa mengharapkan anak mereka memulakan kerjaya sebaik menamatkan pengajian sama ada dengan bekerja di sektor awam maupun swasta.

“Perubahan teknologi menjadikan peluang pekerjaan pelbagai. Masing-masing berupaya menjana pendapatan tanpa perlu keluar rumah atau berkerja secara konvensional.

“Sebagai ibu, kita perlu memberi sokongan kepada mereka untuk meneruskan tugas mengikut kehendak dan keperluan semasa,” katanya yang bangga kerana anaknya mampu berdikari tanpa terikat dengan pekerjaan makan gaji dengan perolehan lumayan.